

Siasat dakwaan terhadap Rahim: PM

Siasat dakwaan terhadap Rahim: PM

DARI MUKA 1

LANGKAWI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan menyiasat dakwaan mengenai peribadi Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, termasuk kononnya beliau mempunyai hubungan dengan seorang pelajar perempuan.

Menurut Perdana Menteri, tindakan akan diambil jika siasatan itu mendapati dakwaan itu benar.

Katanya, beliau menunggu laporan agensi kerajaan yang diberikan tanggungjawab menjalankan siasatan dakwaan seperti itu, sebelum mengambil sebarang tindakan.

"Saya tidak boleh menjatuhkan hukuman sebelum kita mendapat maklumat yang mencukupi. Kalau saya jatuhkan hukuman sekarang, nampak tidak adil." katanya.

"Tetapi kalau kita dapat maklumat yang menunjukkan dakwaan itu benar, tentulah kita ambil tindakan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan Asean, di sini hari ini.

Dr Mahathir mengulas laporan mengenai masalah peribadi Abdul Rahim yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno dan dakwaan kononnya Ketua Menteri Melaka itu mempunyai hubungan dengan seorang pelajar perempuan berusia 15 tahun.

Utusan Malaysia semalam melaporkan Abdul

Rahim akan berundur untuk membolehkannya menyelesaikan beberapa masalah peribadi yang tidak ada kaitan dengan Umno atau Kerajaan Melaka.

Bagaimanapun, Abdul Rahim ketika diminta mengulas mengenai laporan itu berkata, dia terkejut dan menganggapnya satu spekulasi yang tidak perlu diulas. Beliau juga menafikan akan meletak jawatan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno.

Malah, Ketua Menteri Melaka itu mengaku tidak mempunyai masalah peribadi yang berat sehingga memerlukan meletak jawatan.

Perdana Menteri berkata, setakat ini beliau belum menerima laporan secara rasmi mengenai dakwaan terhadap Abdul Rahim sebaliknya hanya mengetahuinya melalui 'cerita saja'.

Beliau bagaimanapun mengesahkan Abdul Rahim menemuinya di Kuala Lumpur semalam tetapi hanya untuk memberitahu bahawa dia (Abdul Rahim) menganggap dakwaan yang dilemparkan terhadapnya tidak benar.

"Itu pengakuannya... saya kena tahu daripada pihak ketiga mengenai benar atau tidak (dakwaan itu)," kata Dr Mahathir.

Ditanya siapa yang dimaksudkan sebagai pihak ketiga, Perdana Menteri berkata, mereka biasanya ialah agensi kera-

jaan yang terbabit dengan penyiasatan dakwaan seperti itu.

"Saya tunggu pihak pegawai beritahu kepada saya... dia akan buat penyiasatan dan itu memang tanggungjawab dia," katanya.

Di Alor Star, Abdul Rahim berkata beliau sedia memberi kerjasama kepada pihak yang akan menjalankan siasatan terhadap dakwaan yang tersebar mengenai peribadinya.

Menurutnya, beliau sedia memberi kerjasama bila-bila masa supaya kebenaran dapat ditemui berhubung dakwaan itu.

"Saya bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya diadakan siasatan bagi mencari kebenaran dan tidak lagi menjadi suatu spekulasi," katanya kepada pemberita di sini selepas menghadiri majlis gerak kerja perdana Pemuda Umno bahagian peringkat negeri hari ini.

Abdul Rahim berkata, beliau memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai perkara itu dan beliau bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri supaya siasatan diadakan oleh pihak itu.

"Lebih elok kalau siasatan diadakan bagi mencari kebenaran," katanya sambil mengalu-ngalukan kenyataan Dr Mahathir itu.

LIHAT MUKA 2